

06/05/1998

Perjanjian pemangkin pemulihan ekonomi

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

PERTENGAHAN bulan lalu saya ke negara jiran, Thailand bagi membuat liputan perjanjian jual beli gas membabitkan syarikat petroleum nasional, Petronas dan Petroleum Authority of Thailand (PAT), di Hadyaai.

Ia membabitkan pengeluaran gas daripada Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (MTJDA), iaitu kawasan pertindihan wilayah kedua-dua negara yang terletak di perairan Teluk Siam, berhampiran Kelantan.

Selain perjanjian biasa yang membabitkan pelaburan awal bernilai RM8.35 bilion (AS\$2.24 bilion) antara dua syarikat multi nasional, ia sebenarnya mencatatkan sejarah tersendiri bagi Malaysia dan Thailand yang sememangnya mempunyai perhubungan dan kerjasama rapat.

Ia bukan saja dianggap sebagai pelantar pemulihan kegawatan ekonomi Malaysia dan Thailand, malah yang lebih penting merapatkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara.

Perdana Menteri kedua-dua negara, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Chuan Leekpai yang menyaksikan majlis menandatangani perjanjian menyifatkan ia sebagai pemangkin memulihkan krisis ekonomi.

Menurut Dr Mahathir, kerjasama itu bakal `menyegarkan semula' kedua-dua negara manakala Leekpai pula berpendapat ia akan mengekalkan kemakmuran dan kestabilan ekonomi Malaysia dan Thailand.

Kedua-dua pemimpin juga yakin bahawa projek berkenaan dan kemudahan infrastruktur yang bakal dilaksanakan akan menyokong pembangunan ekonomi dalam perjanjian kerjasama Pertumbuhan segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).

Selain mengeluarkan dan mengedar gas, Petronas dan PTT juga akan bersama-sama melabur membina dua kilang pemisah gas atau Gas Separation Plant di Songkhla bagi memproses gas asli dari MTJDA.

Petronas akan membawa balik gas ke Malaysia, manakala PPT mengedarkannya untuk dikongsi oleh sektor industri dan perumahan di selatan Thailand dan utara semanjung.

Kilang berkenaan dijangka berupaya memproses sehingga 850 trilion cubic kaki gas asli sehari dengan kilang pertama dijadualkan beroperasi pada 2001.

Bagaimanapun, bagi kita, yang penting hasil daripada kerjasama dan perjanjian itu ialah bukti bahawa hubungan dua hala yang rapat berupaya menyelesaikan pertikaian pertindihan wilayah melalui projek pembangunan bersama.

Ia juga bakal memastikan kesinambungan hubungan dua hala dan mengukuhkan kerjasama ekonomi kedua-dua negara.

Selain itu, ia memberi faedah dalam meningkatkan keselamatan penggunaan tenaga dengan menyambung sistem penyaluran gas kedua-dua negara, mempercepatkan pembangunan ekonomi dan menyelesaikan masalah keselamatan menerusi kemakmuran ekonomi.

(END)